BERITA HARIAN, JUMAAT, 17 JULAI, 1981

# Dr. Hasmah kini menempuh lembaran baru




DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad menguji talipinggang SIRIM. Turut menyaksikan Datin Seri Dr. Siti Hasmah (dua dari kiri).

Oleh RUSLINA YUSOFF

SECARA mesra beliau dipanggil 'Deh' dan kadangkala 'Asmah', atau bagi mereka yang kenal rapat keluarganya menggelarnya 'Asmah, anak Pak Ali bangkerap.'

Bapanya, Allahyarham Haji Ali bin Taib pernah menjadi pegawai Muflis dan Pemegang Amanah Raya mengendalikan hal-hal kebangkerapan.

Bagaimanapun, bagi kebanyakan kita, wanita manis dan bersuara lembut ini, yang mempunyai keistimewaan menjadi doktor wanita Melayu yang kedua di Malaysia, akan menempuhi satu lagi lembaran penting dalam hidupnya.

Datin Seri Dr. Siti Hasmah, Wanita Pertama Malaysia yang baru, adalah isteri kepada seorang yang disatu ketika menjadi doktor swasta, ahli Parlimen, Menteri Pelajaran dan Timbalan Perdana Menteri.

Tetapi, beliau tidak pernah sombong dengan kejayaan ini.

Anak keenam dalam keluarga 10 orang, Siti Hasmah dilahirkan di Kelang tetapi sudah lama mempunyai kaitan dengan Kedah.

Bila beliau berusia tiga tahun, keluarganya ditukarkan ke Kuala Lumpur dan beliau menuntut di Methodist Girls School.

Beliau kemudian bertukar ke Sekolah St. Mary dimana beliau mendapat Gred Tiga dalam peperiksaan Senior Cambridge.

Kerana tidak puashati, ia menduduki lagi peperiksaan itu di Sekolah Inggeris Pudu selepas pendudukan Jepun dan berkat kerajinan dan kesungguhannya ia mendapat sijil Gred Satu.

Bercakap mengenai pengajian perubatannya di Kolej Perubatan King Edward V11 di Singapura dalam 1947, dengan sikap sederhana yang sudah menjadi sifat semulajadinya, beliau berkata: "Menuntut bidang perubatan bukanlah mudah bagi seorang pelajar biasa seperti saya.

"Apa lagi, bila memikirkan bahawa satu-satunya matapelajaran sains yang saya tuntut ialah biologi."

## Tunggal

Di kalangan tujuh pelajar Melayu yang diterima dalam tahun tersebut, beliau merupakan gadis tunggal tetapi beliau tidaklah keseorangan.

Seorang rakan muda lelaki yang cemerlang kerap membantunya. Pemuda itu tidak lain dari Dr. Mahathir.

Apa yang menghairankan Dr. Siti Hasmah hingga ke hari ini ialah walaupun beliau (Dr. Mahathir) nampaknya begitu malu, malah takut, untuk menemuinya, tetapi beliau sentiasa berada dekat bila Dr. Hasmah memerlukannya.

"Tentu ada orang lain mendorongnya," Dr. Hasmah mengagak.

Bagaimanapun, bila Dr. Mahathir perlu membantunya, gadis Siti Hasmah selalu menangis pada akhirnya.

"Saya fikir, sebagai seorang pelajar cemerlang, beliau tidak faham bagaimana saya jadi begitu bodoh," Dr. Hasmah tertawa.

Bagaimanapun, hubungan mereka semakin mesra. Apa yang menarik Siti Hasmah terhadap Mahathir tidak kena mengena dengan rupanya.

Berseloroh beliau berkata: "Saya tidak terfikirkan ia lawa ketika itu. Sebenarnya kebaikan hati, kesefahaman dan kesabarannya yang menjadi daya tarikan."

Mereka bertunang dalam 1953, sebelum Dr. Mahathir berlepas ke Pulau Pinang menjalani latihan kedoktoran tetapi hubungan mereka semakin mesra. "Telefon sudah ada, tahu sajalah," Datin Seri Dr. Siti Hasmah mengingat kembali peristiwa lama.

Ketika itu, Dr. Mahathir menemuinya setiap bulan.

Oleh kerana allahyarham bapanya mahukan ia memenuhi cita-citanya dulu, Datin Seri Dr. Hasmah hanya berkahwin dalam Ogos 1956, selepas menerima ijazah, mengikut kemeriahan adat Melayu semahu ibunya.

Ini bererti ia perlu memakai sanggul lintang, yang tentunya berat.

Bila beliau berpindah ke Kedah dalam September, beliau terpaksa belajar loghat utara untuk bekerja dengan penduduk desa secara berkesan.

Beliau berterimakasih kepada 'Mak Aji', jururawatnya, yang membantunya mengatasi jurang perhubungan ini.

Dengan mempunyai hampir 30 tahun pengalaman perkhidmatan, Datin Seri Dr. Siti Hasmah sudah lebih bersiap sedia untuk memainkan peranannya sekarang.

Dari wad-wad perubatan, bersalin dan pesakit luar, beliau menjadi pegawai penjaga perubatan dan kemudian pemangku pertama

Lihat muka 24 ruangan 1

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

# ...memberi sokongan moral kepada Perdana Menteri baru

Dari muka 5

Penguasa Perubatan Hospital Besar, Alor Setar, wanita Melayu pertama mencapai taraf ini.

Setelah bertugas sebagai Pegawai Perubatan Kesihatan di Kedah Utara, beliau menjadi Pegawai Kesihatan Ibu Mengandung dan Kanak-kanak Negeri yang pertama serta Ketua Sekolah Latihan Kesihatan Desa, memegang kedua-dua jawatan sehingga ditukarkan ke Kuala Lumpur dalam 1974.

Beliau menjadi Ketua Bahagian Kesihatan Ibu Mengandung dan Kanak-kanak Institiut Kesihatan Awam sehingga Januari 1979.

Beliau tidak pernah mimpikan menjadi isteri Perdana Menteri sekalipun beliau sedar penglibatan begitu mendalam suaminya di bidang politik.

Mengenai sokongan Datin Seri Dr. Siti Hasmah akan berikan kepada Perdana Menteri, beliau berkata yang paling penting ialah sokongan moral dan menentukan jadualnya tidak terlalu sibuk supaya mempunyai masa di samping keluarga.

## Berihat

Kalau boleh, beliau mahukan suaminya mempunyai sekurang-kurangnya sehari dalam seminggu untuk berihat, bukan semata-mata untuk berihat di katil sepanjang hari tetapi melupakan hal ehwal negara dan melakukan apa yang disukainya.

Apa yang penting ialah kesihatannya. Beliau sekarang adalah "milek awam yang kebetulan berada di rumahnya", yang demikian menjadi tanggungjawabnya menentukan Datuk Seri Dr. Mahathir dijaga dengan sempurna.

Selain itu, Datin Seri Dr. Siti Hasmah tidak mungkin melibatkan diri dalam tugas suaminya membuat keputusan, khususnya mengenai ehwal negara.

"Amat sukar bagi saya memperkatakan soal negara atau membincangkan masalah mengenai itu. Jika masalah itu serius, saya senyap saja," kata Datin, dan dalam masa seperti itu, beliau biarkan suaminya sendirian.

Datin sendiri mempunyai minat yang kurang terhadap politik sebagaimana terlihat pada peranannya yang pasif, menjadi anggota biasa dalam waWanita UMNO.

"Saya tidak fikir saya dapat menyumbangkan lebih dari apa wanita-wanita lain telah buat," ujarnya.

## Kemesraan

Pasangan ini mempunyai lima orang anak — Marina 24, Mirzan 23, Melinda 22, Mokhzani 21, dan Mukhriz 16 — semuanya dididik dengan penuh kemesraan dan disiplin oleh Dr. Mahathir sendiri.

Kecuali Marina, yang lain-lainnya masih menuntut.

Walaupun perlu melayani keluarga dan kerjayanya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah dapat memenuhi peranan dengan cemerlang sebagai isteri seorang doktor yang menjadi seorang negarawan.

Semasa menjadi doktor, tugas Dr. Mahathir banyak memisahkannya dari keluarga. Sekarang keadaannya demikian juga atau lebih teruk kerana soal melayani dan melakukan lawatan rasmi lebih kerap memisahkannya dari keluarga.

Ada perkara-perkara biasa yang tidak dapat dilakukan oleh Datin, seperti minum cendol di gerai tepi jalan dan membeli belah sesuka hati tanpa kawalan keselamatan ketat sekelilingnya sepanjang masa.

Kadangkala, beliau dapat merasakan dorongan untuk pergi ke pasar memakai baju Kedah tetapi dengan memakai tudung pun ia tetap dikenali orang.

Seperti Dr. Mahathir, beliau sekarang menulis di masa lapang. Wanita Pertama ini dikurniakan Setia Mahkota Kedah dalam 1971 kerana kerja-kerja kebajikannya.

Kerana pengkhususannya di bidang kesihatan, baru-baru ini beliau menyumbangkan satu seksyen dalam buku "Kedah In Civilisation", yang disunting oleh Prof. Asmah Haji Omar.



DATIN Seri Dr. Siti Hasmah berbual dengan peserta bengkel WHO tidak lama dulu

Minatnya dalam kerja-kerja kebajikan menyebabkan beliau suka melakukan lawatan ke tempat orang-orang cacat.

Semasa beliau di Eropah mengiringi Dr. Mahathir selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian, beliau khusus melawat Pusat-pusat Pemulihan Kesihatan Ibu Mengandung dan Kanak-kanak.

Di masa rihat, Datin Seri Dr. Siti Hasmah menikmati muzik bersama ahli-ahli keluarganya yang mirip ke bidang itu, masing-masing boleh bermain alat muzik tertentu.

Datin sendiri boleh bermain biola dan persembahannya bersama dua saudara perempuannya pernah didendangkan di udara.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia